

KAJIAN RINTIS TERHADAP TAHAP KEFAHAMAN WANITA ISLAM BEKERJAYA DI SELANGOR MENGENAI HUKUM-HUKUM BERKAITAN LARANGAN (*IHDAD*) DALAM TEMPOH IDDAH KEMATIAN SUAMI

Zanariah Dimon
zanariah@kuis.edu.my

Norita Kamaruddin
norita@kuis.edu.my

Maffuza Salleh
maffuza@kuis.edu.my

Naqibah Mansor

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Fiqh usrah telah menetapkan hukum berkaitan iddah dan ihdad terhadap isteri apabila berlaku perceraian atau kematian suami. Bagi perempuan yang kematian suami tempoh ihdad disyariatkan sebagai tempoh berkabung bagi menghormati perkahwinan terdahulu. Sepanjang tempoh iddah tersebut isteri kematian suami perlu menjaga diri daripada melakukan larangan dalam tempoh tersebut atau berihdad sebagai tanda menjaga hak suami dan menzahirkan kesetiaan isteri kepada suaminya. Walau bagaimanapun, dengan tuntutan kerjaya, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi hari ini turut memberi impak dan cabaran terhadap cara dan gaya hidup wanita Islam berkerja dalam memenuhi tuntutan syariat mengenai ihdad dan kerjaya mereka sepanjang tempoh iddah kematian suami. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kefahaman wanita Islam berkerjaya di Selangor mengenai hukum-hukum berkaitan larangan (ihdad) dalam tempoh iddah kematian suami. Kajian ini juga mengenal pasti tahap kefahaman responden terhadap isu-isu berkaitan ihdad sepanjang tempoh iddah tersebut. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui instrumen soal selidik dengan menggunakan Skala Likert lima mata (sangat setuju, setuju, tidak pasti, sangat tidak setuju, tidak setuju). Satu ujian rintis telah dilaksanakan terhadap 33 responden dalam kalangan wanita Islam berkerjaya di negeri Selangor melalui *Google Form*. Data-data ini kemudiannya diproses menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences ver 25*. Dapatan kajian menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi konstruk 'kefahaman hukum-hukum ihdad (berkabung) adalah $\alpha = .770$ membawa maksud stabil (*stability coefficients*). Manakala bagi konstruk 'kesedaran mengenai isu semasa ihdad' adalah darjah kefahaman wanita Islam berkerjaya terhadap item-item berkenaan adalah $\alpha = .508$ iaitu tidak menepati pentafsiran pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima. Oleh yang demikian, adalah menjadi keperluan kepada penyelidik untuk menyemak semula setiap item yang terdapat dalam konstruk 'kesedaran mengenai isu semasa ihdad' dan membuang item yang dapat memberikan nilai pekali kebolehpercayaan

boleh diterima. Selepas penyesuaian dibuat berdasarkan dapatan rintis tersebut, maka instrumen kajian ini sesuai untuk digunakan dalam pengumpulan data yang sebenar terhadap responden kajian.

Kata kunci: *Rintis, Ihdad, Iddah, Kematian Suami, Wanita Islam Bekerjaya*

PENGENALAN

Ihdad pada pengertian bahasanya ialah menegah atau membatasi diri. Manakala istilah syarak ialah meninggalkan segala perhiasan dan apa sahaja yang boleh membawa kepada kategori perhiasan diri serta menarik perhatian ramai terhadap wanita tersebut seperti memakai pakaian berwarna-warni, memakai haruman, memakai barangan perhiasan, memakai celak dan sebagainya yang boleh dikategorikan sebagai perhiasan. (Al-Zuhaili:659) (R. @ A. binti Hassan, 2016)

Konsep iddah dan ihdad dalam Islam tertakluk kepada hukum dan batasan yang tertentu dalam tempoh yang ditetapkan. Hikmah pensyariatan hukum iddah adalah untuk memastikan kekosongan benih rahim daripada suami terdahulu dan memberi ruang kepada suami isteri kembali rujuk ya dalam penceraian semasa hidup. Bagi perempuan yang kematian suami tempoh iddah disyariatkan sebagai tempoh berkabung bagi menghormati perkahwinan terdahulu. Sepanjang tempoh iddah selama empat bulan 10 hari itu, isteri kematian suami perlu berihdad sebagai tanda menjaga hak suami dan menzahirkan kesetiaan isteri kepada suaminya (Ali, 2015). Larangan atau batasan yang wajib dipatuhi oleh isteri yang kematian suaminya sepanjang tempoh iddah adalah seperti larangan memakai bau-bauan, mengenakan perhiasan, bertunang atau bernikah dan keluar rumah kecuali sekiranya ada perkara darurat atau keperluan mendapatkan barangan keperluan asas (Syh Noorul Madidah. 2009)

Walau bagaimanapun, dengan berlakunya peredaran masa dan zaman, wanita Islam yang berada dalam tempoh iddah kematian suami sering berhadapan dengan pelbagai persoalan yang memerlukan penjelasan terperinci khususnya dalam hal yang melibatkan batas hukum dan adab bagi seorang wanita beriddah dan berihdad. Tambahan pula, dengan tuntutan kerjaya, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi hari ini, ia turut memberi impak dan cabaran terhadap cara dan gaya hidup masyarakat. Dibimbangi, sekiranya tidak dibimbing dan dipandu dengan sebaiknya, masyarakat Islam khususnya dalam kalangan wanita tidak dapat memahami dan menghayati konsep ihdad yang sebenar seperti yang dituntut oleh Islam, bahkan menganggapnya sebagai perkara remeh dan menyusahkan. Tambahan pula, Mufti Wilayah Persekutuan dalam Fatwa Irsyad Al-Fatwa ke-154 telah menyatakan bahawa tidak boleh untuk seorang perempuan keluar dari rumahnya ketika sedang beriddah kematian suami melainkan terdapat perkara yang darurat ataupun keperluan hajat yang dibenarkan oleh syarak.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kefahaman wanita Islam berkerjaya di Selangor mengenai hukum-hukum berkaitan larangan (ihdad) dalam tempoh iddah kematian suami. Kajian ini juga mengenal pasti tahap kefahaman responden terhadap isu-isu berkaitan ihdad sepanjang tempoh iddah tersebut. Satu kajian rintis telah dilaksanakan bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang digunakan sebelum pengumpulan data yang sebenar. Kertas kerja ini akan menjelaskan mengenai dapatan daripada kajian rintis yang telah dilaksanakan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif kaedah tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik yang diedarkan kepada orang awam. Menurut Kerlinger (1973) soal selidik adalah merupakan salah satu cara untuk mendapatkan jawapan kepada soalan penyelidikan. Babbie (2001) pula berpendapat instrumen boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah tanpa kehadiran penyelidik. Situasi ini memberi ruang yang agak selesa, tenang dan telus kepada responden untuk menjawab soalan. Penyelidik akan menilai secara kuantitatif, melalui penganalisis instrumen kajian soal selidik (*self-administered survey questionnaires*) secara rawak kepada sejumlah responden. Responden menjawab soal selidik yang diberikan secara, tanpa dibantu oleh penyelidik atau pembantu penyelidik.

Kajian ini dilaksanakan di negeri Selangor. Pengumpulan data adalah secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Justifikasi pemilihan responden adalah secara persampelan bertujuan dengan menentukan sasaran: 1) wanita beragama Islam, 2) wanita bekerjaya, 3) wanita yang tinggal di negeri Selangor. Pemilihan responden dalam kalangan wanita bekerjaya adalah kerana golongan ini sangat relevan dan berkait rapat dengan hukum-hukum berkaitan ihdad seperti larangan berhias, had keluar rumah, batas pergaulan dan sebagainya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kertas kerja ini akan mengemukakan dapatan kajian daripada kajian rintis yang telah dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang akan digunakan sebagai alat kajian ini. Menerusi kajian rintis maklumbalas yang diberikan responden membantu memperbaiki mutu soalan kaji selidik. Misalnya, dapat mengelakkan pernyataan yang bertindan serta menggunakan gaya bahasa yang mengelirukan. Kajian rintis juga dijalankan untuk mendapatkan ketelusan data daripada ujian percubaan melalui kumpulan kecil individu dan meningkatkan kesahan dalam instrumen kajian (Chua Yan Paw 2006).

Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Kebolehpercayaan instrumen soal selidik menjelaskan sejauh mana skor-skor dalam setiap item yang diperoleh adalah konsisten atau stabil apabila diuji beberapa kali. Campbell dan Fiske (1959) menjelaskan kebolehpercayaan adalah persetujuan antara dua usaha untuk mengukur sifat yang sama secara maksimum melalui kaedah yang sama.

Mengikut Mohd. Majid Konting (1993), Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016) pentafsiran pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima mengikut pengamal penyelidikan dalam sains sosial ialah lebih daripada $\alpha = .60$. Manakala Nunally (1978) menyatakan nilai '*Alpha Cronbach*' hendaklah melebihi $\alpha = .70$ untuk dianggap sebagai tahap yang boleh diterima. Tafsiran nilai cronbach alpha (α) *correlation coefficients* adalah seperti berikut:

0.00 hingga + 1.00 =	pada asasnya (Lyman, 1986)
.60 hingga .70 =	puas hati (<i>satisfied coefficients</i>)
.70 hingga .80 =	stabil (<i>stability coefficients</i>)
.80 hingga .90 =	kebiasaan (<i>customary coefficients</i>)
.90 hingga .95 =	mencukupi (<i>sufficient coefficients</i>) (Borg & Gall, 1979)

.80 hingga .90 = boleh diterima (*acceptable reliability*)
 .90 hingga + 1.00 = sangat baik (*very good reliability*) (Vierra & Pollock, 1992)
 .95 hingga + 1.00 = keseragaman ketekalan dalaman yang diterima (*acceptable standardised test for internal consistency*) (Kubiszyn & Borich, 1993).

Kajian Rintis

Kajian ini berkenaan kajian rintis yang melibatkan seramai 33 orang wanita Islam bekerjaya di Selangor. Kajian rintis ini telah dijalankan pada bulan Ogos 2020 dengan melibatkan sampel yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel bagi kajian sebenar.

Jadual 1. 1: Ujian Rintis Kesedaran Hukum Berkaitan Ihdad dalam Kalangan Wanita Bekerjaya di Selangor

<i>Alpha Cronbach Setiap Bahagian</i>			
Bahagian	Item	Pernyataan	Pekali Alpha α
B	1 - 23	Kefahaman hukum-hukum ihdad (berkabung)	.770
C	24 – 29	Kesedaran mengenai isu semasa ihdad	.508

Jika dilihat daripada Jadual 1.1 di atas, dapatan kajian rintis menunjukkan daripada aspek '*kefahaman hukum-hukum ihdad (berkabung)*' nilai alpha adalah $\alpha = .770$, dan aspek '*kesedaran mengenai isu semasa ihdad*' adalah $\alpha = .508$. Hal ini menunjukkan darjah kefahaman wanita Islam bekerjaya terhadap item-item berkenaan antara 50.8 – 77.0 peratus sahaja ($.770 \times 100$ dan $.508 \times 100$). Berdasarkan nilai indeks cronbach alpha (α) di atas, maka nilai alpha bagi konstruk '*kefahaman hukum-hukum ihdad (berkabung)*' $\alpha = .770$ membawa maksud stabil (*stability coefficients*). Namun, bagi konstruk '*kesedaran mengenai isu semasa ihdad*' tidak menepati pentafsiran pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima. Oleh yang demikian, adalah menjadi keperluan untuk melihat setiap item yang terdapat dalam konstruk '*kesedaran mengenai isu semasa ihdad*' dan membuang item yang dapat memberikan nilai pekali kebolehpercayaan boleh diterima.

Berikut merupakan data item bagi konstruk '*kesedaran mengenai isu semasa ihdad*'

Bil	Keterangan	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Squared Multiple Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
C24	Penglibatan dalam media sosial adalah dibenarkan dalam tempoh ihdad.	19.3636	10.676	.119	.079	.536
C25	Wanita yang berihdad dilarang memuat	17.8182	6.966	.691	.896	.181

	naik gambar dalam keadaan berhias dalam tempoh ihdad.					
C26	Wanita yang berihdad dilarang berhubungan dengan lelaki ajnabi melalui media sosial untuk mengubati kesepian.	17.6667	7.167	.675	.888	.200
C27	Keluarga suami perlu menanggung nafkah wanita dan anak-anak dalam tempoh ihdad.	17.7576	12.627	-.085	.464	.599
C28	Wanita yang berihdad sepenuhnya menanggung nafkah diri dan anak-anak.	20.4242	11.439	.048	.451	.561
C29	Wanita yang berihdad perlu menetap di rumah kelamin dalam tempoh ihdad.	18.1818	10.341	.217	.118	.484

Berdasarkan dapatan ujian rintis yang telah dijalankan bagi konstruk '*kesedaran mengenai isu semasa ihdad*' dapat dilihat bahawa sekiranya item C27 '*keluarga suami perlu menanggung nafkah wanita dan anak-anak dalam tempoh ihdad*' dibuang, nilai pekali kebolehpercayaan bagi konstruk ini akan menjadi $\alpha = .599$ atau 59.9 peratus ($.599 \times 100$). Namun demikian, nilai pekali kebolehpercayaan $\alpha = .599$ masih tidak dapat diterima. Malah mengikut Mohd. Majid Konting (1993), Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016) pentafsiran pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima mengikut pengamal penyelidikan sains sosial ialah lebih daripada $\alpha = .60$. Dengan itu dapatlah dirumuskan di sini bahawa soal selidik bagi Bahagian C (item 24 hingga item 29) perlu disemak dan dinilai semula agar item yang dibina dapat berada pada tahap yang boleh diterima.

Data Demografi

Data demografi kajian rintis ini mencakupi umur, tempat tinggal, taraf pendidikan tertinggi, pekerjaan dan jenisnya. Kesemua data profil responden ini akan dihuraikan melalui statistik deskriptif berdasarkan kekerapan dan peratusan.

i. Umur

Jadual 1.2: Umur

<i>Umur</i>	Kekerapan Peratusan	
	Kekerapan	Peratusan
Valid 21 tahun dan ke bawah	0	.00
21-30 tahun	2	6.1
31-40 tahun	13	39.4
41-50 tahun	14	42.4
51 tahun dan ke atas	4	12.1
Jumlah	33	100.0

Berdasarkan Jadual 1.2, kategori umur responden hanya melibatkan responden berumur 41-50 tahun seramai 14 orang (42.4%), 31-40 tahun seramai 13 orang (39.4%), 51 tahun dan ke atas seramai 4 orang (12.1%) dan 21-30 tahun seramai 2 orang (6.1%).

ii. Tempat Tinggal

Jadual 1.3: Tempat Tinggal

<i>Tempat Tinggal</i>	Kekerapan Peratusan	
	Kekerapan	Peratusan
Valid Sabak Bernam	0	.00
Hulu Selangor	2	6.1
Kuala Selangor	0	.00
Kuala Langat	1	3.0
Sepang	3	9.1
Hulu Langat	15	45.5
Gombak	3	9.1
Petaling	5	15.2
Klang	4	12.1
Jumlah	33	100.0

Seterusnya, dari aspek tempat tinggal, Jadual 1.3 menunjukkan kelompok responden paling ramai adalah dari Hulu Langat iaitu seramai 15 orang (45.5%), diikuti dari Petaling seramai 5 orang (15.2%), Klang seramai 4 orang (12.1%), Gombak dan Sepang seramai 3 orang (9.1%),

Hulu Selangor seramai 2 orang (6.1%), Kuala Langat seorang (3.0%) dan tiada responden mewakili kawasan Sabak Bernam dan Kuala Selangor.

iii. Taraf Pendidikan Tertinggi

Jadual 1.4: Taraf Pendidikan Tertinggi

<i>Taraf Pendidikan Tertinggi</i>		
	Kekerapan Peratusan	
Valid SPM	4	12.1
Sijil	0	.00
Diploma	2	6.1
Ijazah Sarjana Muda	10	30.3
Ijazah Sarjana	14	42.4
Ijazah Doktor Falsafah	3	9.1
Jumlah	33	100.0

Berdasarkan Jadual 1.4 ini, taraf pendidikan tertinggi dalam kalangan wanita bekerja yang mendapat kekerapan tertinggi adalah kelompok Ijazah Sarjana seramai 14 orang (42.4%), diikuti Ijazah Sarjana Muda seramai 10 orang (30.3%), SPM seramai 4 orang (12.1%), Ijazah Doktor Falsafah seramai 3 orang (9.1%), Diploma seramai 2 orang (6.1%) dan tiada responden yang mewakili taraf pendidikan tertinggi kategori Sijil.

iv. Pekerjaan

Jadual 1.5: Pekerjaan

<i>Pekerjaan</i>		
	Kekerapan Peratusan	
Valid Kakitangan Awam	12	36.4
Kakitangan Swasta	19	57.6
Bekerja Sendiri	2	6.1
Jumlah	33	100.0

Berdasarkan Jadual 1.5 ini, majoriti responden iaitu seramai 19 orang (57.6%) merupakan kakitangan swasta, 12 orang (36.4%) daripada kakitangan awam dan seramai 2 orang (6.1%) bekerja sendiri.

v. **Jenis Pekerjaan**

Jadual 1.6: Jenis Pekerjaan

<i>Jenis Pekerjaan</i>		
	Kekerapan Peratusan	
Valid Guru	11	33.3
Peguam	1	3.0
Pembantu Tadbir	4	12.1
Penolong Pendaftar	1	3.0
Pensyarah	14	42.4
Programmer	1	3.0
Surirumah	1	3.0
Jumlah	33	100.0

Selain itu, dari aspek jenis pekerjaan dalam Jadual 1.6, kelompok paling ramai adalah dalam kalangan pensyarah iaitu seramai 14 orang (42.4%), guru seramai 11 orang (33.3%), pembantu tadbir seramai 4 orang (12.1%) dan seorang (3.0%) pada setiap kelompok peguam, penolong pendaftar programmer dan suri rumah.

ANALISIS DAPATAN

Bagi menginterpretasi dapatan kajian rintis ini, pengkaji menggunakan nilai min seperti dalam Jadual 1.7 di bawah dengan merujuk kepada Sekaran (1992) dalam menganalisis data.

Jadual 1.7: Nilai Min

Nilai min	Interpretasi
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

sumber: Sekaran (1992)

Data dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 25. Data-data kajian ini kemudiannya dihurai dan dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti kesedaran hukum berkaitan ihdad dalam kalangan wanita Islam bekerjaya di Selangor.

Bahagian B: Kefahaman Hukum-Hukum Ihdad (Berkabung)

Jadual berikut merupakan dapatan keseluruhan bagi aspek **kefahaman hukum-hukum ihdad (berkabung)**. Secara keseluruhannya aspek bahagian ini berada pada tahap **sederhana** dengan nilai min sebanyak **3.44**.

Statistik Deskriptif				
	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Bahagian B	33	3.44	.466	Sederhana

Jadual 1.8: Taburan Responden Mengikut Kefahaman Hukum-Hukum Ihdad (Berkabung); n = 33

Pernyataan/Item	Skala								Tahap MIN
	STS	TS	TP	S	SS	JUM	MIN	SP	
<i>Menerima pinangan dan bernikah</i>									
B1. Menerima pinangan daripada lelaki ajnabi ketika berada di dalam ihdad adalah dilarang dalam syarak.	0	9.1 (3)	3.0 (1)	0	87.9 (29)	87.9 (29)	4.66	.924	Tinggi
B2. Bernikah ketika dalam tempoh ihdad adalah tidak sah.	0	0	6.1 (2)	9.1 (3)	84.8 (28)	93.9 (31)	4.78	.545	Tinggi
<i>Keluar dari rumah</i>									
B3. Wanita yang sedang dalam ihdad tidak dibenarkan keluar dari rumah.	3.0 (1)	3.0 (1)	12.1 (4)	27.3 (9)	54.5 (18)	81.8 (27)	4.27	1.00	Tinggi
B4. Wanita yang berihdad dibenarkan keluar sekiranya ada keperluan yang penting dan mendesak.	0	0	3.0 (1)	6.1 (2)	90.9 (30)	97 (32)	4.87	.415	Tinggi
B5. Wanita yang berihdad dibenarkan keluar rumah untuk bekerja.	0	3.0 (1)	9.1 (3)	21.2 (7)	66.7 (22)	87.9 (29)	4.51	.795	Tinggi
B6. Wanita yang berihdad dibenarkan keluar rumah untuk mendapatkan barang keperluan asasi.	0	3.0 (1)	15.2 (5)	18.2 (6)	63.6 (21)	81.8 (27)	4.42	.867	Tinggi
B7. Wanita yang berihdad dibenarkan	81.8 (27)	6.1 (2)	9.1 (3)	0	3.0 (1)	3.0 (1)	1.36	.895	Rendah

keluar rumah untuk
melancong.

B8. Wanita yang
berihdad dibenarkan
keluar rumah untuk
menghadiri kenduri-
kendara.

57.6 (19)	33.3 (11)	6.1 (2)	3.0 (1)	0	0	1.54	.753	Rendah
--------------	--------------	------------	------------	---	----------	-------------	------	--------

B9. Wanita yang
berihdad dibenarkan
keluar rumah untuk
menunaikan
umrah/Haji

30.3 (10)	15.2 (5)	30.3 (10)	12.1 (4)	12.1 (4)	24.2 (8)	2.60	1.36	Sederhana
--------------	-------------	--------------	-------------	-------------	---------------------------	-------------	------	-----------

B10. Wanita yang
berihdad dibenarkan
keluar rumah untuk
membeli belah.

42.4 (14)	27.3 (9)	24.2 (8)	3.0 (1)	3.0 (1)	6.0 (2)	1.96	1.04	Rendah
--------------	-------------	-------------	------------	------------	--------------------------	-------------	------	--------

B11. Wanita boleh
berpindah atau
tinggal di rumah
lain dalam tempoh
ihdad.

21.2 (7)	9.1 (3)	36.4 (12)	15.2 (5)	18.2 (6)	33.4 (11)	3.00	1.36	Sederhana
-------------	------------	--------------	-------------	-------------	----------------------------	-------------	------	-----------

B12. Wanita yang
berihdad boleh
berpindah atau
meninggalkan
rumah sekiranya
terdapat bahaya dan
kemudaran yang
boleh mengancam
nyawa dan harta
benda.

0	0	3.0 (1)	18.2 (6)	78.8 (26)	97 (32)	4.75	.501	Tinggi
---	---	------------	-------------	--------------	--------------------------	-------------	------	--------

Berwangi-wangian

B13. Wanita yang
berihdad dibenarkan
memakai minyak
wangi pada anggota
badan.

63.6 (21)	18.2 (6)	12.1 (4)	6.1 (2)	0	6.1 (2)	1.60	.933	Rendah
--------------	-------------	-------------	------------	---	--------------------------	-------------	------	--------

B14. Wanita yang
berihdad dibenarkan
memakai minyak
rambut ketika
dalam ihdad.

24.2 (8)	18.2 (6)	27.3 (9)	12.1 (4)	18.2(6)	30.3 (10)	2.81	1.42	Sederhana
-------------	-------------	-------------	-------------	---------	----------------------------	-------------	------	-----------

B15. Wanita yang
berihdad dibenarkan
memakai losyen

24.2 (8)	18.2 (6)	30.3 (10)	15.2 (5)	12.1 (4)	27.3 (9)	2.72	1.32	Sederhana
-------------	-------------	--------------	-------------	-------------	---------------------------	-------------	------	-----------

pada badan ketika
dalam ihdad.

	<i>Berhias, bersolek dan berdandan</i>								
B16. Wanita yang berihdad dilarang memakai barang kemas.	24.2 (8)	15.2 (5)	21.2 (7)	9.1 (3)	30.3 (10)	39.4 (13)	3.06	1.57	Sederhana
B17. Wanita yang berihdad dilarang memakai perhiasan yang diperbuat dari perak.	15.2 (5)	21.2 (7)	24.2 (8)	3.0 (1)	36.4 (12)	39.4(13)	3.24	1.52	Sederhana
B18. Wanita yang berihdad dilarang memakai gincu.	6.1 (2)	9.1 (3)	12.1 (4)	18.2 (6)	54.5 (18)	72.7 (24)	4.06	1.27	Tinggi
B19. Wanita yang berihdad dilarang memakai pemerah pipi.	9.1 (3)	3.0 (1)	12.1 (4)	15.2 (5)	60.6 (20)	75.8 (25)	4.15	1.30	Tinggi
B20. Wanita yang berihdad dilarang memakai celak.	9.1 (3)	6.1 (2)	18.2 (6)	12.1 (4)	54.5 (18)	66.6 (22)	3.96	1.35	Tinggi
B21. Wanita yang berihdad dilarang memakai bedak.	18.2 (6)	27.3 (9)	18.2 (6)	21.2 (7)	15.2 (5)	36.4 (12)	2.87	1.36	Sederhana
B22. Wanita yang berihdad dilarang memakai maskara.	12.1 (4)	3.0 (1)	6.1 (2)	18.2 (6)	60.6 (20)	78.8 (26)	4.12	1.38	Tinggi
B23. Wanita yang berihdad dilarang memakai pakaian yang berwarna warni.	9.1 (3)	6.1 (2)	27.3 (9)	15.2 (5)	42.4 (14)	57.6 (19)	3.75	1.32	Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju (STS) 2 Tidak Setuju (TS) 3 Tidak Pasti (TP) 4 Setuju (S) 5 Sangat Setuju (SS)

Jadual 1.8 menunjukkan taburan kekerapan responden bagi aspek kefahaman hukum-hukum ihdad (berkabung). Hasil kajian mendapati hanya lapan daripada 23 item berada pada tahap kekerapan tinggi. Item-item tersebut adalah *wanita yang berihdad dibenarkan keluar sekiranya ada keperluan yang penting dan mendesak* (min 4.87), *bernikah ketika dalam tempoh ihdad adalah tidak sah* (min 4.78), *boleh berpindah atau meninggalkan rumah sekiranya terdapat bahaya dan kemudaratan yang boleh mengancam nyawa dan harta benda*, (min 4.75), *menerima pinangan daripada lelaki ajnabi ketika berada di dalam ihdad adalah dilarang dalam syarak* (min 4.66), *dibenarkan keluar rumah untuk bekerja* (min 4.51), *dibenarkan keluar rumah untuk mendapatkan barang keperluan asasi* (min 4.42), *wanita yang sedang dalam ihdad tidak dibenarkan keluar dari rumah* (min 4.27), *dilarang memakai pemerah pipi* (min 4.15), *dilarang memakai maskara* (min

4.12), *dilarang memakai gincu* (min 4.06), *dilarang memakai celak* (min 3.96), dan *dilarang memakai pakaian yang berwarna warni* (min 3.75).

Diikuti tujuh item yang memperoleh kekerapan sederhana dalam aspek kefahaman hukum-hukum ihdad (berkabung) iaitu *wanita yang berihdad dilarang memakai perhiasan yang diperbuat dari perak* (min 3.24), *dilarang memakai barang kemas* (min 3.06), *boleh berpindah atau tinggal di rumah lain dalam tempoh ihdad* (min 3.00), *dilarang memakai bedak* (min 2.87), *dibenarkan memakai minyak rambut ketika dalam ihdad* (min 2.81), *dibenarkan memakai losyen pada badan ketika dalam ihdad* (min 2.72) dan *dibenarkan keluar rumah untuk menunaikan umrah/Haji* (min 2.60).

Baki empat item pula berada pada tahap rendah iaitu *wanita yang berihdad dibenarkan keluar rumah untuk membeli-belah* (min 1.96), *dibenarkan memakai minyak wangi pada anggota badan* (min 1.60), *dibenarkan keluar rumah untuk menghadiri kenduri-kendara* (min 1.54) dan *dibenarkan keluar rumah untuk melancong* (min 1.36).

Ini bermakna dengan mengambil peratusan antara 57.6 hingga 97 peratus, min 3.75 hingga 4.87 sebagai *cut off* indikator tertinggi, maka dapatlah dinyatakan di sini majoriti wanita Islam bekerjaya di Selangor telah menyatakan aspek-aspek berikut merupakan kefahaman hukum yang mereka tahu setelah seseorang wanita itu kematian suami seperti; wanita yang baru sahaja kematian suami dibenarkan keluar sekiranya ada keperluan yang penting dan mendesak seperti dibenarkan keluar rumah untuk bekerja dan mendapatkan barang keperluan asasi serta boleh berpindah atau meninggalkan rumah sekiranya terdapat bahaya dan kemudaratan yang boleh mengancam nyawa dan harta benda. Wanita yang baru sahaja kematian suami juga tidak sah bernikah dan dilarang menerima pinangan daripada lelaki ajnabi ketika dalam tempoh ihdad. Selain itu, responden juga faham bahawa wanita dalam tempoh ihdad dilarang berhias, bersolek dan berdandan seperti memakai pemerah pipi, maskara, gincu, celak dan berpakaian berwarna-warni.

Bahagian C: Kefahaman Mengenai Isu Semasa Ihdad

Jadual berikut merupakan dapatan keseluruhan bagi aspek **kesedaran mengenai isu semasa ihdad**. Secara keseluruhannya aspek bahagian ini berada pada tahap **tinggi** dengan nilai min sebanyak **3.70**.

Statistik Deskriptif

N Min Sisihan Piawai Interpretasi Min

Bahagian C 33 3.70 .599

Tinggi

Jadual 1.9: Taburan Responden Mengikut Kesedaran Mengenai Isu Semasa Ihdad; 33

Pernyataan/Item	Skala									Tahap MIN
	STS	TS	TP	S	SS	JUM	MIN	SP		
<i>Penglibatan dalam media sosial</i>										
C1. Penglibatan dalam media sosial adalah dibenarkan dalam tempoh ihdad.	18.2 (6)	12.1 (4)	39.4 (13)	24.2 (8)	6.1 (2)	30.3 (10)	2.87	1.16		Sederhana
C2. Wanita yang berihdad dilarang memuat naik gambar dalam keadaan berhias dalam tempoh ihdad.	9.1 (3)	0	6.1 (2)	9.1 (3)	75.8 (25)	84.9 (28)	4.42	1.22		Tinggi
C3. Wanita yang berihdad dilarang berhubung dengan lelaki ajnabi melalui media sosial untuk mengubati kesepian.	9.1 (3)	0	3.0 (1)	0	87.9 (29)	87.9 (29)	4.57	1.19		Tinggi
<i>Nafkah dalam tempoh ihdad</i>										
C4. Keluarga suami perlu menanggung nafkah wanita dan anak-anak dalam tempoh ihdad.	3.0 (1)	0	12.1 (4)	15.2 (5)	69.7 (23)	84.9 (28)	4.48	.939		Tinggi
C5. Wanita yang berihdad sepenuhnya menanggung nafkah diri dan anak-anak.	48.5 (16)	33.3 (11)	12.1 (4)	6.1 (2)	0	6.1 (2)	1.81	1.07		Rendah
C6. Wanita yang berihdad perlu menetap di rumah kelamin dalam tempoh ihdad.	0	9.1 (3)	24.2 (8)	18.2 (6)	48.5 (16)	66.7 (22)	4.06	1.05		Tinggi
1 Sangat Tidak Setuju (STS) 2 Tidak Setuju (TS) 3 Tidak Pasti (TP) 4 Setuju (S) 5 Sangat Setuju (SS)										

Jadual 1.9 menunjukkan taburan kekerapan responden bagi aspek kesedaran mengenai isu semasa ihdad. Hasil kajian mendapati empat daripada enam item berada pada tahap kekerapan tinggi. Item-item tersebut adalah *wanita yang berihdad dilarang berhubung dengan lelaki ajnabi melalui media sosial untuk mengubati kesepian* (min 4.57), *keluarga suami perlu menanggung nafkah wanita dan anak-anak dalam tempoh ihdad* (min 4.48), *wanita yang berihdad dilarang memuat naik gambar dalam keadaan berhias dalam tempoh ihdad* (min 4.42), dan *perlu menetap di rumah kelamin dalam tempoh ihdad* (min 4.06). Seterusnya diikuti item yang berada pada tahap sederhana iaitu *penglibatan dalam media sosial adalah dibenarkan dalam tempoh ihdad* (min 2.87) dan terakhir item yang berada pada tahap kekerapan rendah dalam aspek kesedaran mengenai isu semasa ihdad adalah *wanita yang berihdad sepenuhnya menanggung nafkah diri dan anak-anak* (min 1.81).

Ini bermakna dengan mengambil peratusan antara 66.7 hingga 87.9 peratus, min 4.06 hingga 4.57 sebagai *cut off* indikator tertinggi, maka dapatlah dinyatakan di sini majoriti wanita Islam bekerjaya di Selangor telah menyatakan aspek-aspek berikut merupakan kesedaran berkaitan isu semasa dalam tempoh kematian suami seperti; wanita yang baru sahaja kematian suami dilarang berhubung dengan lelaki ajnabi melalui media sosial untuk mengubati kesepian dan dilarang memuat naik gambar dalam keadaan berhias dalam tempoh ihdad. Selain itu, berkaitan isu nafkah semasa tempoh kematian suami pula, responden sedar bahawa keluarga suami perlu menanggung nafkah wanita dan anak-anak dan perlu menetap di rumah kelamin dalam tempoh ihdad.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, tahap kefahaman wanita Islam bekerjaya di Selangor mengenai hukum-hukum ihdad melalui kajian rintis ini adalah di tahap sederhana iaitu min 3.44 manakala tahap kefahaman mengenai isu-isu berkaitan ihdad adalah di tahap yang tinggi dengan min 3.77. Dapatan kajian juga membuktikan bahawa responden mempunyai kefahaman yang tinggi bahawa isteri yang baru sahaja kematian suami dibenarkan keluar sekiranya ada keperluan yang penting dan mendesak seperti dibenarkan keluar rumah untuk bekerja dan mendapatkan barang keperluan asasi serta boleh berpindah atau meninggalkan rumah sekiranya terdapat bahaya dan kemudaratan yang boleh mengancam nyawa dan harta benda. Wanita yang baru sahaja kematian suami juga tidak sah bernikah dan dilarang menerima pinangan daripada lelaki ajnabi ketika dalam tempoh ihdad. Selain itu, responden juga faham bahawa wanita dalam tempoh ihdad dilarang berhias, bersolek dan berdandan seperti memakai pemerah pipi, maskara, gincu, celak dan berpakaian berwarna-warni. Hasil rintis juga telah berjaya menentusahkan validiti instrument soal selidik yang telah dibina iaitu .770 bagi Bahagian B sebagai stabil dan boleh digunakan. Walau bagaimanapun item-item dalam Bahagian C perlu disemak dan ditambah baik kerana hanya mencapai nilai pekali .508.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (GPIK 2016) – GPI dengan kod penyelidikan KUIS/2019/GPIK-26/GPI/24.

Rujukan

- Al-Sabuni, Muhammad Ali. 1980. *Rawa'i' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkammin al-Quran*. Maktabah al-Ghazali. Beirut.
- Babbie, E. R. 2001. *The Practise of Social Research*. USA: Thompson Learning.
- Borg, W.R., & Gall, M.D. (1979). *Educational Research an Introduction*. New York: Longman.
- Campbell, D., & Fiske, D. (1959). Convergent and Discriminant Validation. *Psychological Bulletin*. (56).
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Penerbit Universiti Malaya.

- Hassan, R. @ A. binti. (2016). Pensyariatan Ihdad Sebagai Pembelaan Terhadap Wanita. In Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016 (pp. 42–48).
- Kerlinger, Fred N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. 2nd Ed. New York: Rinehart and Winston.
- Kubiszyn, T., & Borich, G. (1993). *Educational Testing and Measurement*. New York: Harper Collins.
- Mohd. Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, (2nd ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nunnally, I. (1978). *Psychometric Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill-building Approach (18th ed.)*, New York: Wiley. Harvard.
- Syh. Noorul Madidah Syed Husin. 2009. *Kefahaman tentang ihdad di kalangan wanita muslim di Bandar Dungun*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Jil. 2 2009. 103 - 126
- Vierra, A., & Pollock, J. (1992). *Reading Education Research*. Scottsdale. Gorsuch Sewishirch.
- Wahbah Al-Zuhaili. 1989. *Fiqh Islami wa Adillatahu*. Dar al-Fikr. Damsyik.